

ISLĀMIYYĀT

Jilid
Volume 26 Bil.
No. 2

ISSN 0216-5636

2004
1425 H

- Kerajaan Nasriyyah (1238-1492M) di Granada
Ezad Azraai Jamsari
 - Israiliyyat dalam Kitab *Tafsir Anwar Baidhawī*
Mazlan Ibrahim & Ahmed Kamel Mohamad
 - Sistem Gadaian Islam
Asmadi Mohammad Naim
 - Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan di Kalangan Kakitangan Profesional Universiti Kebangsaan Malaysia
Mohd. Ali Mohd. Noor, Hairunnizam Wahid & Nor Ghani Md. Nor
 - Pandangan Yusuf al-Qaradawi Terhadap Fiqh Semasa
Nasrul Hisyam Nor Muhammad
 - Metodologi Tafsir al-Shaykh ‘Abd al-Rahman al-Sa‘di dalam *Taysir al-Karim al-Rahman fi Tafsir Kalam al-Mannan*
Fadlan Mohd Othman & Muhd Najib Abdul Kadir
 - Ulasan Buku/Book Review
-
- من الاتجاهات السلبية في الشعر العباسي أدب الأديرة
مجاهد مصطفي بهجت
 - التصوف ودوره في الارتقاء بحركات الدعوة في ماليزيا
عثمان حاج طالب، بدلي هشام محمد ناصر
 - التعديلات الدستورية في المادة (١٢١) وآثارها على النظام
القضائي الشرعي في ماليزيا
إينور أنزلي إبراهيم، خير الدين محمد أمين، محمد حسن إبراهيم



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

ISLAMIYYAT

Jilid
Volume **26** Bil.
No. **2**

ISSN 0216-5636

2004
1425 H

- Kerajaan Nasriyyah (1238-1492M) di Granada ... 3
Ezad Azraai Jamsari
- Israiliyyat dalam Kitab *Tafsir Anwar Baidhawi* ... 23
Mazlan Ibrahim & Ahmed Kamel Mohamad
- Sistem Gadaian Islam ... 39
Asmadi Mohammad Naim
- Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan di Kalangan Kakitangan Profesional Universiti Kebangsaan Malaysia ... 59
Mohd. Ali Mohd. Noor, Hairunnizam Wahid & Nor Ghani Md. Nor
- Pandangan Yusuf al-Qaradawi Terhadap Fiqh Semasa ... 69
Nasrul Hisyam Nor Muhamad
- Metodologi Tafsir al-Shaykh °Abd al-Rahman al-Sa°di dalam *Taysir al-Karim al-Rahman fi Tafsir Kalam al-Mannan* ... 83
Fadlan Mohd Othman & Muhd Najib Abdul Kadir
- Ulasan Buku/Book Review ... 101

- من الاتجاهات السلبية في الشعر العباسي أدب الأديرة ... 118
مجاهد مصطفى بهجت
- التصوف ودوره في الارتقاء بحركات الدعوة في ماليزيا ... 140
عثمان حاج طالب، بدلي هشام محمد ناصر
- التعديلات الدستورية في المادة (١٢١) وآثارها على النظام
القضائي الشرعي في ماليزيا ... 150
إنور أزلي إبراهيم، خير الدين، محمد أمين، محمد حسن إبراهيم

Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan di Kalangan Kakitangan Profesional Universiti Kebangsaan Malaysia

MOHD ALI MOHD NOR

HAIRUNNIZAM WAHID

NOR GHANI MD. NOR

ABSTRAK

Kesedaran akan tanggungjawab membayar zakat pendapatan di kalangan golongan profesional Muslim dilihat masih lagi di tahap yang rendah seperti mana dilaporkan oleh MAIWP. Peratusan ini boleh ditingkatkan sekiranya pendidikan dan tindakan undang-undang terhadap zakat dikemaskini serta keyakinan golongan profesional terhadap MAIWP dapat diperbaiki. Terdapat juga sebahagian kecil golongan profesional yang mempunyai alasan tertentu untuk tidak membayarnya langsung. Keadaan ini tidak sepatutnya berlaku kerana kewajipan membayar zakat pendapatan harus mendapat keutamaan berbanding cukai pendapatan. Justeru itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti faktor yang mempengaruhi pembayaran zakat pendapatan dilihat dari perspektif lokasi, demografi, keyakinan, kemudahan, pendidikan dan seterusnya menentukan faktor yang paling signifikan menyumbang kepada pembayaran zakat pendapatan. Kajian ini menggunakan model regresi logistik untuk menguji pembolehubah yang dipilih terhadap pembayaran zakat pendapatan. Keputusan dari analisis ekonometrik menunjukkan faktor iman dan pengetahuan agama amat signifikan mempengaruhi pembayaran zakat pendapatan. Beberapa cadangan dibuat untuk memastikan kesedaran pembayaran zakat pendapatan dapat ditingkatkan pada masa hadapan.

ABSTRACT

It is perceived that the awareness on a duty to pay zakat on income by Muslim professionals is still marginal as been reported by MAWIP. The percentage of payment can be improved if they are being educate with the important of it, a better law being imposed and a credibility of MAWIP being improved. There exist also some professionals who have their own reasons not to pay at all. This situation actually should not occur because the responsibility to pay zakat on income must be the utmost priority as compared to that of an income tax. Thus, this study aims to identify the factors the affect the payment of zakat on income by the professionals level looking from the locational, demographic, accomodation and educational perspectives and to directly identify the most significant factors that affect. This study uses a logit binomial model to test the

variable under controlled. The result shows that iman and religious education are the most significant factors that influence the payment of zakat on income. A few suggestions are also being made to ensure the awareness among the zakat payers increases in the near future.

PENDAHULUAN

Bilangan pembayar zakat pendapatan di kalangan profesional Islam didapati masih lagi di tahap yang rendah. Sebagai contoh, adalah dianggarkan hanya sejumlah 4.2 peratus yang melaksanakan tanggungjawab ini di Wilayah Persekutuan (Jadual 1). Sesuai dengan peratusan yang kecil ini Laporan Zakat 2001 yang dikeluarkan oleh Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) juga menunjukkan bahawa bilangan kakitangan profesional yang membayar zakat adalah relatif kecil bagi setiap kategori pembayar mengikut jenis pekerjaan seperti di Jadual 1. Keadaan ini terus berlaku walaupun pelbagai usaha dan kemudahan pembayaran telah ditingkatkan seperti tambahan prasarana kutipan, kemudahan pembayaran melalui potongan gaji, pembukaan kaunter zakat di bank dan pejabat pos, Kawanku Phone Banking Maybank dan kemudahan atas talian (Maybank 2U). Namun begitu, tidak dinafikan bahawa terdapat juga golongan profesional yang mempunyai alasan-alasan tertentu untuk tidak membayar zakat manakala yang lain pula membuat bayaran di pusat kutipan negeri lain dan juga kepada pelbagai saluran tidak rasmi.

JADUAL 1. Bilangan dan peratusan pembayar zakat pendapatan golongan profesional kepada MAIWP pada tahun 2001

Bil.	Jenis pekerjaan	Bilangan pembayar (Wilayah Persekutuan)
1.	Akauntan	213
2.	Arkitek	111
3.	Doktor	124
4.	Eksekutif kerajaan	1684
5.	Juru ukur	84
6.	Jurutera	817
7.	Peguam	47
8.	Pensyarah	172
	Jumlah	3,252
Anggaran Jumlah Golongan Profesional Muslim (Lihat Bank Data Negeri, Jabatan Perangkaan Malaysia)		75,816
Peratus pembayar zakat pendapatan		4.2

Sumber: Laporan Zakat 2001 MAIWP

Perintah untuk mewujudkan institusi bagi mengutip zakat dapat dilihat dari firman Allah (s.w.t.) yang bermaksud:

Ambillah sedekah dari harta mereka untuk membersihkan dan menyucikan mereka dan doakanlah mereka (al-Tawbah 9: 103).

Ketersediaan institusi kutipan zakat sahaja sememangnya tidak menjamin pembayaran zakat oleh mereka yang sepatutnya berbuat demikian. Terdapat pelbagai faktor dalaman (nilai) dan luaran yang mempengaruhi keputusan untuk membayar zakat pendapatan. Isu ini menjadi lebih menarik kerana seolah-olahnya terdapat paradoks dalam gelagat individu beragama Islam yang membayar cukai pendapatan tetapi tidak membayar zakat pendapatan. Berbanding cukai pendapatan, jumlah zakat pendapatan yang dikenakan bukan sahaja lazimnya lebih rendah, bahkan apa yang lebih penting lagi ia merupakan tuntutan keimanan dan Islam. Ia adalah satu perintah yang wajib dilaksanakan seperti rukun-rukun Islam yang lain dan bukan semata-mata hanya pematuhan kepada undang-undang sepertimana cukai pendapatan. Tambahan lagi pembayar zakat juga boleh mendapatkan rebat untuk cukai pendapatan.

Bertolak daripada permasalahan pembayaran di atas, kajian ini cuba mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan pembayaran zakat pendapatan kepada pihak berwajib. Antara faktor-faktor yang diuji termasuk keimanan, kefahaman agama, maklumat dan pendidikan, kepercayaan kepada institusi pengutip dan kemudahan pembayaran. Satu kelainan dalam kajian ini, yang mungkin juga boleh menimbulkan kontroversi ialah cubaan untuk membina proksi untuk mengukur tahap keimanan. Pendekatan sebegini dilihat amat kurang digunakan berkemungkinan disebabkan kesukaran untuk mendapatkan kayu ukur yang sesuai sama sepertimana kekurangan kajian-kajian konvensional mengenai faktor kualitatif yang mempengaruhi cukai pendapatan. Perlu ditegaskan bahawa dalam persekitaran di mana penguatkuasaan undang-undang pembayaran zakat pendapatan tidak dilaksanakan secara serius, aspek dalaman seperti tahap keimanan merupakan satu faktor pendorong yang sangat penting. Oleh itu pengabaian faktor ini tidak seharusnya berlaku dalam mana-mana kajian mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan untuk membayar cukai pendapatan.

TINJAUAN LITERATUR

Zakat pendapatan telah mula dilaksanakan pada zaman Muawiyah (r.a.) dan Umar bin Abdul Aziz (Qaradawi 1987). Pengiraan didasarkan kepada perolehan yang merangkumi pendapatan gaji dan pendapatan bebas seperti pendapatan ahli profesional. Pusat Zakat Selangor sebagai contohnya mengira gaji, tungkakan gaji, pelbagai elaun (seperti elaun kenderaan dan makan) serta lain-lain perolehan (termasuk bonus dan pendapatan berkaitan penggajian). Pengiraan dibuat

biasanya untuk tempoh satu tahun setelah ditolak item-item yang ditentukan seperti perbelanjaan diri, isteri, anak, ibu bapa dan sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Sebenarnya tidak terdapat kata sepakat ulama Islam mengenai kewajipan menunaikan zakat pendapatan. Terdapat negara-negara orang Islam yang mewajibkan kutipan zakat ini seperti negara Sudan, Pakistan, Brunei dan Malaysia. Rata-rata negara Islam yang lain belum mengeluarkan fatwa kewajipan menunaikannya. Isu yang masih belum disepakati mengenai kewajipan membayarnya berkisar kepada persoalan nas yang mewajibkan zakat gaji, haul dan nisab.

Kajian awal mengenai zakat pendapatan, kebanyakannya bertumpu kepada persoalan sama ada ia perlu dilaksanakan atau tidak kerana terdapat pelbagai pendapat mengenai tuntutananya. Kajian seperti Abidin (1982), Abdul Rashid (1979), Mohd Ali (1989), Hassan (1989), Monzer Khaf (1991), Mahmood Zuhdi (1992), Muhammad Kamal (1995), Mujaini Tarimin (1995) dan Zawawi (2002) merupakan contoh kajian dalam kategori ini. Terdapat juga kajian yang membuat perbandingan antara cukai pendapatan dan zakat pendapatan. Contoh kajian-kajian tersebut ialah Sidiqqi (1982), Umer Chapra (1992) Zulkarnain (1994) dan Abdul Hamid (1998) yang secara umumnya menunjukkan bahawa zakat adalah tidak sama dengan cukai pendapatan. Berbanding kadar cukai yang boleh dikurang atau ditambah, zakat dengan kadar yang sama akan terus dikutip, walaupun negara telah menjadi maju dengan semua rakyatnya kaya. Ini adalah kerana skop agihan zakat bukan hanya tertumpu kepada negara yang membuat kutipan sahaja, bahkan ia merentasi sempadan negara di mana sahaja terdapat asnaf yang layak menerimanya. Kajian Abd. Hamid (1988) pula menunjukkan terdapat banyak persamaan antara cukai dan zakat pendapatan dilihat dari segi nisab (pendapatan kasar bagi cukai) dan haulnya (tahun asas cukai). Ini juga berkemungkinan dapat menerangkan mengapa sebahagian pembayar cukai pendapatan menganggap bahawa mereka telah melaksanakan tuntutan zakat setelah membayar cukai pendapatan.

Tidak kurang juga pendapat yang meminta supaya dikaji semula kadar nisab zakat terutamanya kepada sumber-sumber zakat kotemporari seperti zakat gaji (Zakariah 2001). Perbincangan lain berkenaan asas zakat masih lagi dibahaskan seperti isu barangan zakat berbentuk aliran atau stok, duit kertas yang sering berubah nilainya, kombinasi zakat dan lain-lain. Kajian kepatuhan terhadap undang-undang zakat pula mendapati terdapat hubungan langsung di antara tanggapan individu kepada undang-undang zakat dan kebarangkalian pembayaran zakat (Kamil 2002). Keadaan ini adalah selari dengan teori kognitif yang mengatakan nilai dan moral individu mempengaruhi gelagat kepatuhannya. Pendidikan keimanan pula penting dalam menentukan tindakan ekonomi seorang Muslim (Qaradawi 1998). Ini adalah kerana desakan-desakan untuk faedah peribadi merupakan satu yang lumrah dalam dunia ekonomi. Dorongan semulajadi ini akan bertukar menjadi egoisme buas sekiranya tidak disorong oleh nilai-nilai dalaman yang murni.

Untuk menyelesaikan permasalahan nilai dan keimanan bukan satu perkara yang mudah (Aidit 1988). Menurut Aidit (1988), terdapat tujuh kumpulan atau golongan pembayar zakat mengikut tahap kesedaran dan keimanan seperti golongan yang membayar zakat hanya sekiranya ada akta dan undang-undang yang mewajibkannya, golongan yang lebih takut sekiranya tidak membayar cukai berbanding zakat pendapatan, golongan yang tidak membayar kerana kejahilan, golongan yang terlalu banyak menyoal akan kewajipan zakat, golongan yang menganggap zakat sebagai beban dan golongan yang menggunakan helah dalam zakat serta golongan yang menganggap zakat hanya zakat fitrah sahaja. Antara faktor yang menurunkan kebarangkalian pembayaran zakat termasuk sikap malas untuk membayar, tiada keyakinan dengan institusi penerima zakat serta fahaman politik yang berbeza.

KAEDAH KAJIAN

Unit pemerhatian kajian ini ialah individu beragama Islam yang berkhidmat di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang terdiri daripada pekerja kumpulan pengurusan dan juga kakitangan akademik. Seramai 100 individu dari kumpulan ini telah menjadi responden kajian. Pembolehubah bersandar dalam kajian ini ialah bayaran zakat pendapatan yang diukur secara dikotomus, iaitu mereka yang membayar zakat pendapatan akan diberi kod 1 manakala mereka yang tidak membayar zakat pendapatan akan diberi kod 0. Terdapat beberapa soalan dikemukakan untuk mengenal pasti hubungan antara gelagat pembayaran zakat dengan faktor-faktor pendorong termasuk komitmen terhadap Islam (iman) dan pengetahuan agama. Soal selidik yang dikemukakan mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan pengukuran pembolehubah-pembolehubah tersebut.

Model logit binomial telah digunakan untuk menguji kesan tujuh pembolehubah ke atas pembayaran zakat. Model ini sesuai digunakan kerana pembolehubah bersandar adalah dalam bentuk dikotomus. Dalam regresi logistik, kebarangkalian responden i membayar zakat adalah seperti berikut:

Oleh itu model regresi yang dianggarkan adalah seperti berikut:

$$\text{Log} \left[\frac{P_i}{(1-P_i)} \right] = \alpha + \alpha_1 X_1 + \alpha_2 X_2 + \alpha_3 X_3 + \alpha_4 X_4 + \alpha_5 X_5 + \alpha_6 X_6 + \alpha_7 X_7 + \alpha_8 X_8 \quad (1)$$

Di mana P = Log bagi nisbah 'odds' pembayaran zakat terhadap X

X_1 = Jantina

X_2 = Bilangan tanggungan

X_3 = Tahap pendidikan

X_4 = Pengetahuan zakat pendapatan

X_5 = Fungsi PPZ

X_6 = Komitmen terhadap Islam (Iman)

X_7 = Pengetahuan agama

Hipotesis kajian ini menjangkakan terdapat hubungan yang signifikan antara faktor iman, pengetahuan agama dan pengetahuan zakat pendapatan. Pembolehubah yang diuji sebagai proksi kepada faktor iman dan pengetahuan termasuklah perihal sembahyang jemaah, kekerapan mendengar ceramah di masjid dan membaca buku agama, pengetahuan tentang zakat dan sebagainya. Setiap soalan memerlukan jawapan dalam skala Likert lima mata. Setiap skala adalah mengukur magnitud jawapan responden iaitu bermula daripada nilai 1 untuk jawapan “sangat tidak setuju” hingga nilai ke 5 bagi jawapan “sangat setuju”. Walaupun begitu bagi soalan yang berbentuk kenyataan negatif, nilainya adalah 1 mata bagi jawapan “sangat setuju”, dan 5 mata bagi jawapan “sangat tidak setuju”.

HASIL KAJIAN

Responden dalam kajian ini terdiri daripada 55 lelaki dan 45 wanita dan kebanyakan responden mendapat pendidikan sehingga ke peringkat ijazah sarjana muda (31%), ijazah sarjana (29%) dan ijazah P.hd (29%). Pendapatan responden majoritinya adalah antara RM3000.00 hingga RM4500.00 (64%), diikuti mereka yang bergaji RM4500.00 ke atas iaitu sebanyak 21 peratus. Dari segi tanggungan responden, kajian ini mendapati majoriti responden adalah terdiri daripada mereka yang mempunyai tanggungan seramai 1 hingga 4 orang (55%) dan 5 hingga 8 orang (31%). Daripada responden yang dikaji, 98 peratus adalah mereka yang termasuk dalam kumpulan pembayar cukai dan hanya 2 peratus sahaja yang tidak termasuk dalam kumpulan pembayar cukai. Mereka adalah pekerja berstatus sementara sahaja di UKM.

Jadual 2 menunjukkan ketidak seimbangan jumlah responden yang membayar zakat dan tidak membayar zakat pendapatan iaitu masing-masing seramai 83 orang (83%) dan 17 orang (17%). Ini menunjukkan ramai kakitangan profesional UKM mempunyai kesedaran membayar zakat pendapatan. Jadual 3 pula

JADUAL 2. Frekuensi membayar dan tidak membayar zakat pendapatan

Status responden	Frekuensi	Peratus
Bayar zakat	83	83.0
Tidak bayar zakat	17	17.0
Jumlah	100	100.0

JADUAL 3. Jadual klasifikasi regresi logistik pembayaran zakat pendapatan

Pemerhatian	Diramalkan	
	Ya	Tidak
Ya	52	12
Tidak	16	20

Nota: Nilai batasan adalah 0.500

Bayar zakat = (81.3%); Tidak bayar zakat = (44.4%); keseluruhan = (68 %)

menunjukkan perbandingan nilai yang dijangka daripada pembolehubah bersandar iaitu pembayaran zakat dengan menggunakan model regresi dengan nilai sebenar data yang diperhatikan. Daripada Jadual 3, model ini meramal dengan betul 68 peratus daripada pemerhatian sebenar. Kajian ini juga mendapati model ini lebih berupaya untuk meramal pembayaran zakat berbanding kes keengganan membayar zakat.

Perlu juga diingatkan bahawa bilangan responden yang membayar dan tidak membayar zakat adalah tidak seimbang. Dengan kata lain, walaupun model ini berjaya meramal dengan betul lebih dari 50 peratus pemerhatian dengan betul, tidak seharusnya digunakan sebagai ukuran kesesuaian model. Oleh itu, dalam kajian ini kriteria kemungkinan bernisbah (*proportional chance criterion*) sepatutnya digunakan untuk tujuan tersebut. Apabila kriteria ini digunakan (lihat Hair et al. 1992 untuk perbincangan lanjutan) untuk sampel dengan nisbah 64.0% dan 36.0%, tahap yang harus digunakan untuk menguji kesesuaian model ialah 53.8%. Manakala Jadual 2 menunjukkan dengan jelas bahawa keupayaan model yang dianggar meramal dengan betul 65 peratus daripada pemerhatian sebenar mengatasi tahap yang diperlukan untuk kesesuaian model.

Jadual 4 pula menunjukkan keputusan regresi logistik antara pembolehubah pembayaran zakat dengan pembolehubah-pembolehubah bebas seperti dalam persamaan (1). Pembolehubah jantina, bilangan tanggungan, tahap pendidikan, pengetahuan zakat pendapatan, pengetahuan agama dan iman didapati berkait secara signifikan dengan pembayaran zakat pendapatan. Jika dilihat daripada nilai koefisien (B), pembolehubah jantina, bilangan tanggungan, pengetahuan zakat pendapatan dan iman berhubungan secara positif dengan pembolehubah bersandar. Antara pembolehubah tersebut, pengetahuan mengenai zakat pendapatan dan iman menepati jangkaan. Namun pengetahuan agama tidak konsisten dengan jangkaan.

Jika dilihat kepada pembolehubah iman dan pengetahuan mengenai zakat pendapatan, ia menunjukkan semakin meningkatnya pengetahuan pembayaran zakat pendapatan dan iman seseorang, semakin tinggilah kecenderungan individu tersebut membayar zakat. Jadual 4 ini juga menunjukkan satu unit pertambahan pada pengetahuan zakat pendapatan dan iman berkait dengan pertambahan log

JADUAL 4. Hasil regresi binomial logistik

Pembolehubah	Jangkaan B	Koefisien	Exp(B)	Statistik Wald
Jantina	$\alpha_1 / +$	1.195**	3.305	4.568
Bil tanggungan	$\alpha_2 / -$	0.062*	1.939	3.582
Tahap pendidikan	$\alpha_3 / +$	-0.401*	0.670	3.011
Pengetahuan zakat pendapatan	$\alpha_4 / +$	0.428*	1.535	3.189
Fungsi PPZ	$\alpha_5 / +$	-0.186	0.830	0.643
Pengetahuan agama	$\alpha_6 / +$	-0.550*	0.557	3.271
Iman	$\alpha_7 / +$	0.885***	2.422	9.850
Konstan		-3.289	0.037	1.622

Nota: X (1) = Lelaki

*** signifikan pada aras keyakinan 99 peratus

** signifikan pada aras keyakinan 95 peratus

* signifikan pada aras keyakinan 90 peratus

nisbah *odds* pembayaran zakat iaitu masing-masing sebanyak 0.428 dan 0.885. Jadual 4 ini juga menunjukkan bahawa faktor iman adalah faktor yang paling signifikan mempengaruhi pembayaran zakat iaitu pada aras keyakinan 99 peratus.

Walaupun begitu, terdapat juga koefisien yang tidak dijangkakan menunjukkan nilai negatif iaitu pendidikan dan juga pengetahuan agama dan kedua-dua pembolehubah tersebut adalah signifikan mempengaruhi pembayaran zakat pendapatan. Ia menunjukkan semakin meningkatnya pengetahuan agama dan pendidikan, *odds* untuk membayar zakat adalah semakin berkurangan. Ada kemungkinan faktor pendidikan dan pengetahuan agama, berkembang dalam keadaan yang seiring. Dalam konteks ini, ia menjelaskan bahawa semakin tinggi tahap pendidikan, semakin tinggilah pengetahuan agama, kerana pengetahuan yang luas serta sikap keterbukaan dan kesungguhan mereka mencari pelbagai ilmu pengetahuan adalah termasuk mendalami ajaran Islam.

KESIMPULAN

Hasil daripada kajian ini menunjukkan faktor keimanan dan pengetahuan zakat mempengaruhi pembayaran zakat pendapatan. Semakin tinggi tahap keimanan dan pengetahuan zakat, maka seseorang individu Muslim akan lebih cenderung untuk membayar zakat pendapatan. Hasil kajian ini juga menunjukkan pengetahuan mengenai fungsi PPZ tidak mempengaruhi keputusan untuk membayar zakat. Dapatan bahawa kecenderungan membayar zakat dipengaruhi oleh faktor dalaman adalah penting dalam penggubalan dasar. Ia jelas menunjukkan bahawa usaha meningkatkan pungutan zakat perlu dilakukan dengan cara yang terintegrasi dan mengambil pendekatan menyeluruh. Selain daripada usaha untuk meningkatkan kefahaman dan pengetahuan mengenai zakat pendapatan dibuat secara langsung, program dan dasar yang dapat

meningkatkan dan mengekalkan tahap keimanan adalah penting untuk tujuan ini.

RUJUKAN

- Abdul Hamid Mohd. Hassan. 1988. Antara zakat dan cukai pendapatan satu analisis penyelarasan. Kertas kerja Seminar Zakat dan Cukai Pendapatan. Pusat Matrikulasi Universiti Sains Malaysia, 5-6 November.
- Abdul Rashid Dail. 1979. Zakat gaji dan pendapatan bebas. *Islamiyyat* 2.
- Abul Hassan M. Sadeq. 1990. *Economic development in Islam*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publication.
- Hair, J. F., R. E. Anderson, R. L. Tatham & W. C. Black. 1992. *Multivariate data analysis with readings*. Ed. ke-3. New York: Macmillan Publishing Company.
- Hassan Ibrahim. 1989. *Asas pengiraan zakat perniagaan, penggajian dan pendapatan bebas*. Kuala Lumpur: Persatuan Kebajikan Islam Lembaga Hasil dalam Negeri.
- Kamil Md Idris. 2002. Kesan persepsi undang-undang dan penguatkuasaan zakat terhadap gelagat kepatuhan zakat pendapatan gaji. Kertas kerja Muzakarah Pakar Zakat. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 21-22 Disember.
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid. 1992. Syarat haul: Satu penilaian terhadap pandangan al-Qaradawi dalam masalah zakat gaji dan pendapatan profesional. *Medium* 2.
- Mohd Ali Hj. Bahrum. 1989. *Zakat ditinjau dari perspektif sosial, undang-undang dan taksiran*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Islam.
- Muhammad Kamal Atiyah. 1995. *Perakaunan zakat, teori dan praktis*. Terj. Mohd Nor Ngah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Nejatullah Siddiqi. 1981. *Muslim economic thinking: A survey of contemporary literature*. Leicester: The Islamic Foundation.
- Mujaini Tarimin. 1995. *Zakat penggajian satu penilaian terbaru di Malaysia*. Tesis Ph.D. Universiti Malaya.
- Pusat Zakat Selangor. 2001. Manual pengiraan zakat. Unit Penyelidikan dan Pembangunan Syarie, Jabatan Korporat, Pusat Pungutan Zakat.
- al-Qaradawi, Yusof. 1987. *Hukum zakat*. Singapura: Pustaka Nasional.
- al-Qaradawi, Yusof. 1998. *Peranan nilai dan akhlak dalam ekonomi Islam*. Terj. Kuala Lumpur: Metacorp Bhd.
- Umer Chapra, M. 1992. *Islam and the economic challenge*. Leicester: t.pt.
- Zulkarnain Yusof. 1994. *Percukaian negara Islam: Perbandingan percukaian moden dengan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pusat Pengajian Ekonomi
Fakulti Ekonomi dan Perniagaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan
Malaysia
ali@pkrisc.cc.ukm.my
hairun@pkrisc.cc.ukm.my
norghani@pkrisc.cc.ukm.my

ISSN 0126-5636



9 770126 563246

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor D.E., Malaysia
<http://www.penerbit.ukm.my>
Dicetak di Malaysia oleh / *Printed in Malaysia by*
PERCETAKAN WATAN SDN. BHD.
No. 26, Jalan Daud, Kampong Baru,
50300 Kuala Lumpur, Malaysia.